# ZAKAT

## the untold journey

*In so many untold ways, so many people benefited from your kindness and generosity of your Zakat contributions. Listen to their stories and you will be amazed at just what sharing of community wealth means.*

*Dalam pelbagai cara yang tidak disedari, ramai yang telah mendapat manfaat dari kebaikan dan kemurahan hati anda yang menyumbangkan Zakat. Dengarkan kisah mereka dan anda akan terpegun dengan erti perkongsian harta sesama masyarakat. . .*

Zakat membawa rahmat • Hidup menjadi berkat.

# *President's Message*

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

It is with deep affection that I greet you in this holy month of Ramadhan.

Alhamdulillah, every year hundreds of students pass the doors of Darul Arqam Singapore to study Islam. In their quest for knowledge, they study for free at the various classes organized at The Galaxy during the day and night, every day of the week. They come with various stories... journeys… mostly untold.

We'd like to share four of these stories of their journeys which took them to our doors and share how the zakat money collected at Darul Arqam has benefited them all. Firstly, we have Irene Pascual, 30, a Filipina who is glad to reclaim her Islamic heritage and to be a Muslim like many members of her family.

Secondly, we have a couple, Adhe, 47 and Mr Tan , 52, who after 10 years of civil marriage are finally married under the Islamic law at the Galaxy last February, as the husband finally converts to Islam.

Thirdly, we have a German, Chris Schreiber, 36, who studied at Darul Arqam as he was preparing for his conversion in March. Chris got married to Raabeah Mohd Shariff, 39, in May and theirs is a journey of love and marriage based on a shared love for Islam.

Finally, we have a born Muslim, a daughter of a Japanese convert, Norhanna Yumi Ibrahim, 28, who has discovered a treasure trove of classes at Darul Arqam and is gathering the gems through many of the enlightened and enlightening teachers here.

A noteworthy mention is the generosity of your Zakat contribution that has enabled us to finance our various programmes, to cater to the needs of those hearts who have reconciled to embracing Islam and adapting to an Islamic family life.

Thank you for your support.

I wish you and your family a blessed Ramadhan. May ALLAH (S.W.T) accept all our amals and ibadah especially in this holy month, Amin.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Muhd Faiz Edwin Ignatious M
President, Darul Arqam



# *Returning to Her Roots*



Her maternal grandfather was a Muslim and although she herself was a Catholic, Irene Pascual, 30, dreamed of returning to her roots and reclaim her Islamic heritage. Irene has found a place to help her to do just that at Darul Arqam, where she is undergoing the Beginners Course in Islam (Express).

She has yet to formally convert at Darul Arqam, but she considers herself a Muslim as she is convinced of the truth of Islam as a religion and a way of life.

Said Irene, "I still wanted to learn about Islam. My late grandfather was a Muslim. My family also supported me when I embraced Islam. My Muslim family are so kind and they help me to convert with their kind hearts. They encourage me on my search as I wanted to learn Islam and acquire knowledge."

She added, "I like Islam because it is a respectful religion, the people are peaceful, obedient, helpful and understanding."

However, she said that her fellow Filipinas have a wrong conception of Islam being a religion of terrorists and people who are not at peace with others and amongst themselves.

Said Irene, "I attended a shahadah and solat class and I find Brother Anis Maricar's Beginners Course in Islam (Express) very good and his teachings and explanation are very good so it is easy for me to pick up everything in his class. The courses at Darul Arqam are so helpful in helping us gain more knowledge."

Irene now is currently unemployed and looking for a job in the food and beverage industry.

# *Happily Ever After*



It was almost 10 years and her husband whom she married in a civil wedding had yet to embrace Islam. Adhe, 47, a mother of two and a grandmother of one had been living with guilt long enough to call it quits. She contemplated divorce from the man she loved as a devoted husband who is nonetheless a non-Muslim. Suddenly, just as she was about to give up, by the grace of God, her husband Mr Tan, 52, expressed his desire to embrace Islam and studied the religion diligently at the Muslim Converts Association of Singapore.

On 23 December 2012, he formally converted at the Association and on 1 February 2013, they finally solemnized their marriage under the Syariah Law at the same venue.

Mr Tan or Ahmad Munayah attended several classes at the Association in preparation for his conversion. He studied Knowing Islam Modules 1 and 2, Beginners Course on Islam 1 and 2, Solat, Quran and Fiqh and Sirah. Said Ahmad, "I felt surprised as I attended the courses, then slowly I got deeper and deeper into Islam. I would go to websites to read on Islam and feel encouraged through reading the articles. I find myself getting closer and closer to Allah."

There is no one happier than Adhe, that enlightenment has finally come upon her husband as she has prayed for all these years. She said, "I love him. I married him even though he wasn't a convert. We have a kid. I thought after 10 years that was as long as I could wait and bear the burden of sin but Alhamdulillah he was given 'hidayah' and he was willing to convert."

Now Adhe said, "Alhamdulillah I feel the difference. I feel clean and I feel great."

# *When A Man Meets her Woman*



When Chef Chris Schreiber, 36, met a clerk, Raabeah Mohd Shariff two years ago, an interest was sparked when Chris became curious about her muslimah dressing and her devotion to perform prayers at work. His questions about Islam led to love and in May they tied the knot after Chris embraced Islam in March at Darul Arqam.

Chris or Abyan as his Muslim name has benefited from one-to-one private lessons at Darul Arqam every Saturday as he was preparing for his conversion. He then studied the ways to perform Solat every Sundays. It is important to Raabeah that Chris learns as much as he can about Islam. She brought him to Darul Arqam to learn the religion.

Said Chris, "The lessons were very good. They explained Islam very well and we had very good teachers."

Recalling their initial relationship, Raabeah said, "We used to work at the same place. At that time I just joined the company and I am the only one wearing a headscarf in the office. Abyan was curious why I am covered and why I perform my prayers during lunch while others do not. So from there, he always asked me questions about why Muslim women wear covered clothes and why and how I perform prayers. He asked many questions about what Muslims do in their everyday life."

She continued, "After about a year, we became close friends and later we decided to get married. That's when he started to attend Brother Umar's classes at Darul Arqam. Brother Umar was a great help. He is a very good and dedicated teacher. We like the way he explained Islam and he is very friendly. Abyan really likes to attend his classes. He felt very comfortable having him as his personal teacher. At first he found difficulty in performing solat but Brother Umar solved the problem in just one week. My family and I have always invited Abyan to perform congregation prayers and answer any of his queries. Alhamdulillah he performs his five prayers every day without any reminder."

# *Unearthing the Treasure in the Galaxy*



Norhanna Yumi Ibrahim, 28, an operation analyst has discovered a hidden treasure in Darul Arqam which she wishes to share. She is not a convert but her mother, a Japanese, is a convert and Yumi has found a home in the Association. She has attended Know about Islam, Beginners Course in Islam II, Stories of the Prophets, Purification of the Heart and Sunnah Prayer Course.

Why did she choose Darul Arqam as a place for learning? Said Yumi, "I chose it for several reasons. Firstly, it was because of the open environment and because of English as the medium language. I was pleasantly surprised after my first session of Know about Islam that classes at Darul Arqam were conducted in an open and friendly manner where just about anyone could walk in to learn more. No registration was required as, most of the classes were free of charge and the best part of all they were in English - the most used medium of language now. "

"Secondly, I was also impressed that the teachers use an engaging approach to reach out to the audience, instead of the old-fashioned talking down notes. I used to think classes were mostly in Malay by older Asatizah. However, I was happy to find that there were younger Asatizah who were effectively multi-lingual, competent in the subject matter, approachable and can relate to the young."

"Thirdly, I found many friendly and like-minded people. They came for the purpose of knowledge. Hence, it was encouraging to see the same people and to make new friends with them."

Yumi especially found Purification of the Heart class very beneficial. She said, "I like the class as the lessons learnt can be applied to our daily life. Management of anger and emotions, avoiding vain talk, acts of humility etc. are all relevant reminders that we need from time to time. The response from the

*“ However, often times, it is us, the born Muslim who have not fully grasped the full understanding of our religion, its principles, the compulsory and the encouraged rituals. We perform our deed according to what we have grown up with. This should not be the case, by revisiting the fundamentals of our faith, it allows us to see a bigger picture and we could relate this to our Non-Muslim Friends. ”*

students was overwhelm. I believed they came for the knowledge as well as the Ustaz.”

She added that the teacher Ustaz Saiffurrahman makes the classes light and entertaining. Said Yumi, “He engages the class with his humour as well as ingenuity. There is no superficiality as he acknowledges our thoughts and ideas and help to better them. He also has a Facebook page which helps to connect the students and bring learning experience to a step further outside the classroom. This gels well with the younger generation who feel that he can relate to them in their real-world dilemmas and situations.”

Yumi said that born Muslims have a misperception that Darul Arqam conducts classes only for converts. “However, often times, it is us, the born Muslim who have not fully grasped the full understanding of our religion, its principles, the compulsory and the encouraged rituals. We perform our deed according to what we have grown up with. This should not be the case, by revisiting the fundamentals of our faith, it allows us to see a bigger picture and we could relate this to our Non-Muslim Friends. Classes such as The Sunnah Prayer are beneficial to born Muslims as it teaches beyond the mandatory Salah - which most Muslims are familliar with.”

Finally she added that “it will be beneficial for converts to get to know more Muslims friends so that they both can help one another along in our journey to God.”

# Zakat: A Pillar Of Islam

## Purpose and Benefit of Zakat

Zakat is the third pillar of Islam. It is an act of purification through sharing what one has with others.

*Allah says: "Of their wealth, take alms so you may purify and sanctify them." [9:103]*

In order to perform the third pillar of Islam, one has to strive to build his wealth to pay Zakat in return for the many bounties of this world and the hereafter as stated and authorized by AlQuran and Hadith, as follows:

i. purifies our soul from miserliness.
ii. avoids Allah's torment in the hereafter and gains the pleasure of Allah s.w.t.
iii. multiplies and purifies of our existing wealth.
iv. promotes social well-being and improves the standard of the Muslim community.

## Zakat is due on 4 conditions:

a. Being Muslim – Zakat is only applicable to Muslims.
b. Full ownership – the person must have full ownership of the wealth.
c. Nisab – the person's wealth at any point in time in the hijrah year must have reached the nisab, which is equivalent to the market value of 86gm of gold.
d. Haul – the wealth above nisab must be with the person for at least one hijrah year.

### Additional conditions for Zakat on Business:

e. Compulsory for Halal assets only.
f. Compulsory for productive assets.
g. Intention for trading purposes (Urud at-tijarah)

### 8 Recipients (Asnaf) of Zakat:

Unlike normal charity, the recipients of Zakat have been specified by ALLAH (S.W.T) in the Holy Al-Quran, Surah Al-Taubah, and verse 60.

*"Zakat is for the poor and the needy, and amil (those employed to administer the funds), for the muallaf (those who have embraced Islam), for those in bondage and in debt, those who strive in the cause of Allah and for the wayfarer: (thus is it) ordained by Allah and Allah is full of knowledge and wisdom".*

# Kandungan

Amanat Presiden ....................................................................Muka surat 9

## Perjalanan yang tidak diketahui

Kembali ke pangkalnya ...........................................................Muka surat 10

Bahagia Selamanya ...............................................................Muka surat 11

Pabila Lelaki Bertemu Wanitanya .........................................Muka surat 12

Mencari Harta di Galaksi ..................................................Muka surat 13

## Zakat: Rukun Islam

Tujuan Dan Manfaat Zakat ...................................................Muka surat 15

Syarat-Sayarat Zakat ...........................................................Muka surat 15

8 Penerima (Asnaf) ..............................................................Muka surat 15

## Appendix

Bagamana Cara Untuk Mengira Pelbagai Jenis Zakat

Borang Derma

# *Amanat Presiden*

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Dengan penuh keikhlasan dari hati, saya mengucapkan salam kepada anda di sempena bulan Ramadhan yang mulia ini.

Alhamdulillah, setiap tahun ratusan pelajar melalui pintu Darul Arqam Singapura untuk mempelajari agama Islam. Dalam usaha untuk menimba ilmu, mereka belajar secara percuma di "The Galaxy" pada siang dan malam, setiap hari sepanjang seminggu. Mereka datang dengan berbagai-bagai kisah … perjalanan … kebanyakkannya tidak diketahui.

Kami ingin berkongsi empat kisah perjalanan yang telah membawa mereka ke pintu kami dan juga bagaimana wang zakat yang dikumpulkan di Darul Arqam memanfaatkan mereka semua. Yang pertama, ialah Irene Pascual, 30, seorang Filipina yang amat bersyukur setelah memperolehi semula warisan Islamnya dan menjadi seorang Muslim seperti kebanyakan ahli keluarganya.

Kedua adalah pasangan suami isteri, Adhe, 47, dan Encik Tan , 52, yang setelah 10 tahun berkahwin secara sivil akhirnya bernikah mengikut hukum Syariah di The Galaxy pada Februari sebaik sahaja suaminya memeluk Islam.

Ketiga adalah seorang German, Chris Schreiber, 36, yang telah belajar di Darul Arqam bagi mempersiapkan dirinya untuk memeluk Islam pada bulan Mac. Dan mereka telah bernikah pada bulan Mei dan perjalanan mereka adalah perjalanan kasih dan perkahwinan berdasarkan cinta bersama kepada Islam.

Akhir sekali adalah seorang yang dilahirkan Muslim, anak perempuan kepada seorang muallaf berbangsa Jepun, Norhanna Yumi Ibrahim, 28, yang telah menemui harta yang sangat diingini melalui kelas-kelas di Darul Arqam. Beliau kini terus mengumpulkan ilmu yang tidak ternilainya melalui guru-guru yang penuh meyakinkan di sini.

Satu perkara yang harus disebutkan ialah hasil sumbangan Zakat anda yang bermurah hati telah membolehkan kami membiayai pelbagai program untuk memenuhi permintaan hati-hati mereka yang telah terpaut untuk memeluk Islam dan juga untuk menyesuaikan hidup sebagai sebuah keluarga Islam.

Terima kasih diatas sokongan anda.

Saya mendoakan anda sekeluarga mendapat Ramadhan yang diberkati. Semoga ALLAH (S.W.T) menerima segala amal dan ibadah kita terutama di bulan suci ini, Amin.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Muhd Faiz Edwin Ignatious M
President, Darul Arqam





# *Kembali ke Pangkalnya*

Datuk di sebelah ibunya merupakan seorang Muslim, dan walaupun beliau seorang Katolik Irene Pascual,30, mengimpikan untuk kembali ke pangkalnya dan memperoleh semula warisan Islam beliau. Beliau telah menemui tempat yang dapat membantunya di Darul Arqam, di mana beliau menghadiri Kursus Asas Islam (Expres).

Walaupun Irene belum memeluk agama Islam secara rasmi di Darul Arqam namun beliau sudahpun merasa dirinya sebagai seorang muslim dan yakin tentang kebenaranya dan sebagai cara kehidupan.

Irene berkata, "Saya masih ingin mempelajari tentang Islam. Arwah datuk saya adalah seorang Muslim. Keluarga saya juga menyokong saya ketika saya memeluk Islam. Keluarga Islam saya amat baik hati dan ia membantu saya memeluk Islam atas kebaikkan hati mereka. Mereka amat menyokong dalam pencarian untuk mempelajari Islam dan menimba ilmu."

Beliau menambah, "Saya suka Islam kerana ia agama yang dihormati, orangnya yang tenang ,taat, saling mebantu dan memahami."

Walau bagaimanapun beliau menyatakan bahawa rakan-rakan Filipinanya mempunyai salah tanggapan bahawa Islam adalah agama pengganas dan orangnya sering bergaduh sesama sendiri dan bersama yang lain.

Irene berkata "Saya telah menghadiri kelas shahadah dan kelas solat. Saya mendapati bahawa kursus yang dikendalikan Saudara Anis Maricar iaitu Asas Islam (Ekspres) sangat baik dan cara beliau mengajar dan menerangkan juga sangat baik yang memudahkan saya untuk memahami semuanya di dalam kelas. Kursus-kursus di Darul Arqam sangat membantu kami dalam menimba lebih ilmu."

Irene kini sedang mencari pekerjaan di dalam industri pemakaan.

# *Bahagia Selamanya*



Hampir 10 tahun suami yang dikahwininya dalam perkahwinan sivil masih belum memeluk Islam. Adhe, 47, ibu kepada dua orang anak dan nenek kepada seorang cucu telah hidup dengan rasa bersalah selama ini dan kini ingin menebus kembali perasaan itu. Beliau pernah terfikir untuk bercerai dengan suaminya yang setia dan dicintai tetapi, ketika beliau hampir berputus asa, suaminya, Encik Tan, 52, dengan kuasa Allah dan hidayahNya, meluahkan hasrat untuk memeluk Islam dan kini dengan tekun, beliau mempelajari tentang Islam di Darul Arqam.

Pada tanggal 23 Disember 2012, beliau secara rasminya memeluk agama Islam di Darul Arqam dan pada 1 Februari 2013, mereka berdua akhirnya bernikah berlandaskan hukum Syariah di tempat yang sama.

Encik Tan ataupun Ahmad Munayah menghadiri beberapa kelas di Darul Arqam untuk mempersiapkan diri bagi memeluk Islam. Beliau mempelajari "Mengenali Islam" Modul 1 dan 2, Kursus Asas Islam 1 dan 2, Kursus Solat, Quran dan Fiqh dan juga Sirah. Ahmad berkata, "Saya begitu teruja ketika menghadiri kursus-kursus ini, dan dengan perlahan-lahan saya semakin mendalami Islam. Saya menglusuri lelaman web untuk membaca artikel tentang Islam dan merasakan diri terdorong bila membaca. Saya mendapati diri kini semakin dekat dan hampir dengan Allah."

Tiada apa yang lebih gembira bagi Adhe melainkan kesedaran yang diperolehi oleh suaminya - setelah kian lama beliau berdo'a .Kata beliau, "Saya mencintai dia. Saya mengahwininya walaupun dia belum memeluk Islam. Kami ada seorang anak bersama. Saya rasakan hanya sekadar 10 tahun sahaja yang dapat saya menanggung beban dosa ini tetapi, Alhamdulillah, beliau mendapat hidayah dan rela untuk memeluk Islam."

Kini kata Adhe, "Alhamdulillah saya merasakan ada perubahan. Saya kini merasakan diri ini suci dan bersih."

# *Pabila Lelaki Menemui Wanitanya*



Apabila Chef Chris Schreiber, 36, bertemu seorang kerani, Raabeah Mohd Shariff, dua tahun lalu, Chris merasakan kehairanan tentang pemakaian muslimah dan ketaatan beliau menyempurnakan solat di tempat kerja. Soalan-soalannya tentang Islam telah membawa rasa cinta dan pada bulan Mei mereka bernikah selepas Chris memeluk Islam pada awal Mac di Darul Arqam.

ChrisatauAbyannamaMuslimnya,mendapat manfaat dari kursus perseorangan di Darul Arqam setiap Sabtu sebagai proses persiapannya memeluk Islam. Dan beliau juga belajar tentang solat pada setiap Ahad. Ia sangat penting bagi Raabeah untuk Chris belajar sebanyak mungkin tentang Islam maka beliau membawa Chris ke Darul Arqam untuk mempelajari asas-asas agama.

Chris berkata, "Pembelajarannya bagus sekali, mereka menerangkan Islam dengan begitu baik dan kami mempunyai guru yang begitu berkebolehan."

Menyingkap kembali hubungan mereka, Raabeah berkata, "Kami pernah bekerja di tempat yang sama. Pada masa itu, saya baru sahaja berkerja di syarikat tersebut dan cuma saya seorang sahaja yang bertudung. Abyan berasa hairan mengapa saya berpakaian tutup dan mengapa saya melaksanakan solat ketika makan tengah hari sedangkan yang lain tidak. Jadi bermula dari situlah dia sering bertanya soalan tentang mengapa pakaian wanita Islam sebegitu dan bagaimana saya mendirikan solat. Dia banyak bertanya tentang apa Muslim lakukan dalam kehidupan seharian mereka."

Raabeah menambah, "Selepas lebih kurang setahun, kami menjadi kawan rapat dan kemudiannya kami membuat keputusan untuk berkahwin. Itulah permulannya dia menghadiri kelas Saudara Umar di Darul Arqam. Saudara Umar banyak membantu. Beliau guru yang cekap dan berdedikasi. Kami suka cara beliau menerangkan Islam dan beliau juga peramah. Abyan sangat suka menghadiri kelasnya. Dia berasa selesa mempunyainya sebagai guru peribadinya. Pada mulanya, Abyan mendapati agak sukar untuk mendirikan solat tetapi Saudara Umar membantu menyelesaikan masalah itu dalam jangka masa seminggu sahaja. Saya dan keluarga pula sering mengajak Abyan untuk solat berjemaah dan menjelaskan kemusykilan beliau. Alhamdulillah beliau melaksanakan solat lima waktu sehari tanpa dingatkan."

# Mencari Harta di Galaksi



Norhanna Yumi Ibrahim, 28, seorang penganalisa operasi telah menemui harta yang tersembunyi di Darul Arqam dimana beliau ingin berkongsi. Beliau bukan seorang saudara baru namun ibunya, seorang warga Jepun, telah memeluk agama Islam dan kini Yumi dapat merasakan ikatan kekeluargaan di Persatuan ini. Beliau menghadiri kursus "Mengetahui tentang Islam", Kursus Asas Islam II, Kisah-kisah Para Rasul, "Penyucian Hati" dan kursus Solat Sunnat.

Mengapa beliau memilih Darul Arqam sebagai tempat untuk mendalami Islam? Yumi berkata, "Saya memilhnya kerana beberapa sebab. Yang pertama kerana ia mempunyai suasana terbuka dan bahasa perantaraanya adalah Bahasa Inggeris. Saya rasa teruja selepas sesi pertama Kursus "Mengetahui tentang Islam" dan agak terpegun bila mendapati kelas di Darul Arqam diadakan dengan cara terbuka dimana sesiapa sahaja boleh masuk dan belajar. Mereka tidak perlu mendaftar. Kebanyakkan kelas adalah percuma dan yang paling menarik adalah semuanya diadakan di dalam Bahasa Inggeris – bahasa perantaraan yang paling sering digunakan sekarang. "

"Yang kedua saya kagum dengan pendekatan guru-guru di sini untuk menyampaikan kepada para peserta secara terbuka, bukan dengan cara lama yang sehala sahaja. Awalnya saya berfikir kelas dijalankan dalam Bahasa Melayu oleh asatizah yang berumur. Namun, saya gembira setelah mendapati ada asatizah muda yang lancar bertutur dalam banyak bahasa, mahir dalam subjek yang diajar, mudah didekati dan mampu memahami generasi muda."

"Yang ketiga, saya bertemu dengan ramai orang yang peramah dan berfikiran yang sama. Mereka datang dengan tujuan menimba ilmu. Maka, ia amat memberi dorongan bagi saya setelah berjumpa mereka dan mengenali rakan baru."

Yumi mendapati khususnya kelas "Penyucian Hati" amat bermanfaat. Beliau berkata, "Saya suka kelas tersebut kerana apa yang dipelari boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Mengawal kemarahan

*“Walau bagaimanapun, seringkali, kita yang dilahirkan sebagai seorang Muslim belum lagi memahami agama kita sepenuhnya, prinsipnya dan ibadah-ibadah yang wajib dan yang sunnat ke atas kita. Kita mungkin berfikir bahwa kita telah memahaminya kerana telah membesar dalam keluarga Islam. Namun ia tidak selalunya benar. Seharusnya kita sering mempelajari dan memahami asas agama kerana ia membantu kita melihat gambaran yang lebih luas dan jelas dari masa ke semasa dan ia juga membolehkan kita mendekati saudara yang bukan beragama Islam.”*

dan emosi, mengelak diri dari berkata-kata yang sia-sia, kelakuan yang merendahkan diri dan sebagainya adalah peringatan yang relevan yang kita perlukan dari masa ke semasa. Respon dari pelajar juga amat memberangsangkan. Saya percaya hadirnya mereka kerana untuk ilmu dan juga kerana Ustaznya.”

Beliau menambah bahawa Ustaz Saiffurrahman menjadikan kelas-kelas yang dikendalikannya santai dan menghiburkan dan pada masa yang sama turut menyelitkan beberapa pengajaran. Kata Yumi, “Beliau mengendalikan kelas dengan humor dan kepintaran. Tiada kedangkalan pemahaman kerana beliau memperakui apa yang bermain dalam pemikiran manusia biasa dan bagaimana untuk memperbetulkannya. Beliau juga ada lelaman Facebook yang mana membantu para pelajar untuk berhubung dan membawa taraf pembelajaran setapak lebih diluar bilik darjah. Ia amat bersesuaian dengan generasi muda yang merasa beliau mampu untuk mereka memahami dilema dunia serta juga memahami keadaan yang sebenar.

Yumi berkata bahawa mereka yang dilahirkan Muslim mempunyai salah tanggapan bahawa Darul Arqam hanyalah untuk saudara baru. “Walau bagaimanapun, seringkali, kita yang dilahirkan sebagai seorang Muslim belum lagi memahami agama kita sepenuhnya, prinsipnya dan ibadah-ibadah yang wajib dan yang sunnat ke atas kita. Kita mungkin berfikir bahwa kita telah memahaminya kerana telah membesar dalam keluarga Islam. Namun ia tidak selalunya benar. Dengan sering ingin memahami akan asas agama kita, ia membolehkan kita untuk melihat gambaran yang lebih luas dan jelas dari masa ke semasa dan bagi kita mendekatkan diri dengan insan lain yang bukan beragama Islam. Kelas-kelas seperti Kursus Solat Sunnat, adalah satu kursus yang saya percaya boleh memanfaatkan kita yang dilahirkan Muslim kerana kelas ini mengajar lebih dari sekadar solat wajib sahaja dimana kebanyakan Muslim sudah pun biasa dan ketahui.”

Akhir sekali beliau menambah “ia sangat bermanfaat untuk saudara baru mengenali lebih ramai Muslim dimana kedua-dua boleh saling membantu dalam perjalanan mereka menuju kepada Tuhan.”

# Zakat: Rukun Islam

## Tujuan dan Manfaat Zakat

Zakat adalah rukun Islam yang ketiga. Ia adalah amalan pensucian menerusi perkongsian sesuatu dari milik seseorang dengan yang lain.
*Allah S.W.T berfirman: "Ambillah Zakat dari sebahagian harta mereka, kerana dengan Zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka" [9:103]*

Demi melaksanakan tiang agama yang ketiga, seseorang harus berusaha untuk mengumpul harta supaya dapat mengeluarkan Zakat bagi meraih banyak kebaikan di dunia dan akhirat sebagai mana yang tercatit dan diarahkan dalam Al-Quran dan Hadith, seperti:

i. Mensucikan jiwa dari sifat bakhil.
ii. Menghindari seksaan dan mendapat nikmat Allah S.W.T di akhirat.
iii. Melipat gandakan dan mensucikan harta yang sedia ada.
iv. Menggalak kesempurnaan sosial dan mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat Islam.

## Zakat diwajibkan di atas 4 syarat:

a. Muslim – Wajib hanya pada mereka yang beragama Islam.
b. Milik penuh – seseorang itu perlu memiliki penuh hartanya.
c. Nisab – harta seseorang pada bila-bila masa waktu hijrah telah mencapai nisab, mempunyai nilai pasaran yang sama dengan 86 gram emas.
d. Haul – Harta seseorang itu dimiliki sekurang-kurangnya dalam masa setahun hijrah.

### Syarat tambahan syarat bagi Zakat Peniagaan:

e. Wajib bagi harta yang Halal.
f. Wajib bagi Harta yang produktif.
g. Niat untuk berniaga (Urud at-tijarah).

### 8 Penerima (Asnaf) Zakat:

Bukan seperti derma-derma biasa, penerima Zakat telah ditetapkan oleh Allah S.W.T di dalam kitab suci Al-Quran, Surah Al-taubah, ayat 60.

*"Zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah , dan orang-orang musaffir(yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui. Lagi Maha Bijaksana".*

## Frequently Asked Questions

***1. Question:***

Is Darul Arqam under the Zakat IRAS Auto-Inclusion Scheme?

***Answer:***

We are currently not part of the Zakat IRAS Auto-Inclusion Scheme.

***2. Question:***

How do I declare my Zakat contribution in my tax submission?

***Answer:***

**Steps for claiming:-**

i. Go to my Tax Portal.
ii. Start to e-file.
iii. You will be able to see the income & expenditure.
iv. For amendments (in this case to add the zakat), click the button 'Continue to Main Tax Form'.
v. You will be able to add under the employment expenses. Noted, only key in the amount.

## Soalan Yang Sering Di Ajukan

***1. Pertanyaan:***

Adakah Darul Arqam di bawah skim Zakat IRAS Auto-kemasukan?

***Jawapan:***

Buat masa ini, kami belum lagi sebahagian dari skim Zakat IRAS Auto-kemasukan.

***2. Pertanyaan:***

Bagaimana saya isytiharkan sumbangan Zakat saya dalam penyerahan cukai?

***Jawapan:***

**Langkah-langkah tuntutan,**

i. Lungsuri ke Portal Cukai
ii. Mulakn e-file
iii. Di sini, anda akan dapat melihat bahagian 'Pendapatan dan Perbelanjaan'
iv. Untuk menambahkan Zakat didalam pulangan ini, tekan butang "Continue to Main Tax Form"
v. Di sini, anda boleh menambahkan jumlah Zakat anda dibawah ruangan perbelanjaan pekerjaan.

*Please give with an open heart
and you shall receive opened and reconciled
hearts within our warm embrace.
Zakat is more than just charity. . . .It molds and
nurtures a loving and pure heart.*

*Hulurkan sumbangan anda dengan hati yang ikhlas
dan kami pasti hati anda juga akan terbuka dan
terpujuk bersama ikatan ini.
Zakat itu lebih dari hanya derma biasa . . . .
Ia membentuk dan memelihara hati yang penuh kasih
dan murni.*

**The Muslim Converts' Association of Singapore**
Darul Arqam Singapore
The Muslim Converts' Association of Singapore
The Galaxy, 32 Onan Road, Singapore 424484
Telephone: 6348 8344, Facsimile: 6440 6724
http://www.darul-arqam.org.sg